

## **KOPERASI PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA BERHAD**

### **ATURAN – ATURAN PINJAMAN BAGI ANGGOTA KPPUMB**

#### **TAJUK DAN MULA BERKUATKUASA**

1. Aturan-aturan pinjaman bagi anggota-anggota KPPUMB dan hendaklah mula berkuatkuasa setelah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan Ke37 yang akan diadakan pada 17hb. Jun 2009.

#### **TAFSIRAN**

2. Dalam aturan-aturan ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

**‘Undang-Undang Kecil’** ertinya Undang-Undang Kecil Koperasi Pusat Perubatan Universiti Malaya Berhad.

**‘Anggota’** ertinya anggota Koperasi Pusat Perubatan Universiti Malaya Berhad.

**‘KPPUMB’** ertinya Koperasi Pusat Perubatan Universiti Malaya Berhad.

**‘Lembaga’** ertinya Anggota Lembaga Koperasi Pusat Perubatan Universiti Malaya Berhad ini yang dilantik sewajarnya di bawah Undang-undang Kecil Koperasi Pusat Perubatan Universiti Malaya Berhad.

**‘Anggota Jawatankuasa Kecil Tetap’** ertinya Jawatankuasa yang dilantik oleh Anggota Lembaga Koperasi Pusat Perubatan Universiti Malaya Berhad yang terdiri dari Pengerusi, Setiausaha dan seorang Anggota Lembaga KPPUMB yang meluluskan pinjaman bagi pihak Lembaga KPPUMB.

**‘Yuran’** ertinya yuran yang dibayar oleh Anggota pada setiap bulan melalui potongan gaji atau secara tunai kepada KPPUMB.

**‘Penjamin’** ertinya anggota-anggota yang menjamin pinjaman sekiranya anggota gagal menjelaskan pinjaman.

#### **ANGGOTA YANG LAYAK MEMOHON PINJAMAN**

3. a. Anggota-anggota KPPUMB yang telah menganggotai Koperasi ini tidak kurang dari enam(6) bulan adalah layak untuk memohon pinjaman.

#### **JENIS-JENIS PINJAMAN**

- 4.1 a. **Pinjaman Persendirian** adalah terhad sehingga **90%** dari jumlah yuran anggota yang terkumpul pada tarikh permohonan dibuat.

- b. **Pinjaman Dengan Jaminan** adalah berdasarkan kepada lima belas (15) bulan gaji peminjam dicampur dengan jumlah yuran terkumpul pada tarikh permohonan pinjaman dibuat atau RM16,000.00 yang mana kurang dan mengikut kelayakan.
- c. **Pinjaman Kedua** dengan jaminan adalah berdasarkan kepada lima belas (15) bulan gaji peminjam dicampur dengan jumlah yuran yang terkumpul pada tarikh permohonan dibuat atau RM11,000.00 yang mana kurang dan mengikut kelayakan.

4.2 Walau apa pun yang dinyatakan dalam aturan 4.1(a), 4.1(b) dan 4.1(c) anggota cuma layak memohon pinjaman 4(a) dan 4(c) atau 4(b) dan 4(c) dalam satu masa.

#### **HAD KELAYAKAN PINJAMAN**

5. a. Had Pinjaman yang boleh dipertimbangkan oleh Lembaga KPPUMB adalah mengikut lamanya tempuh keanggotaan mereka seperti berikut :-

<b>Tempuh Keanggotaan</b>	<b>Had Pinjaman</b>
6 bulan hingga 12 bulan	RM2,000 + 50% yuran
melebihi 12 bulan hingga 24 bulan	RM4,000 + 50% yuran
melebihi 24 bulan hingga 36 bulan	RM6,000 + 50% yuran
melebihi 36 bulan hingga 48 bulan	RM8,000 + 50% yuran
melebihi 48 bulan hingga 84 bulan	RM10,000 + 50% yuran
melebihi 84 bulan ke atas	RM16,000 sahaja

5. b. Jumlah Pinjaman adalah tertakluk kepada 200 kali caruman yuran bulanan anggota dan caruman yuran tidak boleh di kurangkan sehingga pinjaman diselesaikan sepenuhnya. Syarat ini tidak berkaitan dengan pinjaman sendiri 90 % daripada yuran.

#### **PERMOHONAN UNTUK PINJAMAN**

6. Anggota yang ingin membuat pinjaman hendaklah mengisi borang permohonan dan lain-lain dokumen yang disediakan oleh KPPUMB. Borang-borang yang telah dilengkapi hendaklah diserahkan ke Pejabat KPPUMB. Lembaga KPPUMB setelah menerima permohonan bolehlah menerima atau menolak permohonan tersebut tertakluk kepada kedudukan kewangan KPPUMB.

## **PERMOHONAN UNTUK PINJAMAN BARU**

7. a. Pinjaman dengan jaminan, Pinjaman Sendirian dari 90% yuran dan Pinjaman Kedua boleh memohon pinjaman yang baru sekiranya peminjam telah menyelesaikan baki 1/3 daripada jumlah tempuh bayaran balik pinjaman semasa atau 6 bulan potongan gaji telah dibuat dari Pinjaman Semasa.

## **PERAKUAN UNTUK PINJAMAN**

- 8 Pinjaman tidak akan diluluskan sehingga anggota melengkapkan kepada Lembaga KPPUMB:-
  - a. Kuasa kepada pihak Pusat Perubatan Universiti Malaya membuat potongan gaji dan dikreditkan ke dalam akaun bank KPPUMB dan kuasa itu berjalan sehingga pihak KPPUMB membuat pembatalan.
  - b. Dalam keadaan dimana pihak berkuasa PPUM telah berhenti dari membuat potongan gaji seperti yang tersebut terdahulu, maka baki pinjaman dari KPPUMB yang masih terhutang hendaklah di bayar oleh anggota dengan segera dan sepenuhnya.
  - c. Mengakui dalam kejadian dimana seseorang anggota yang meletakkan jawatan dari perkhidmatan PPUM hendaklah diberi kuasa untuk membuat potongan segala baki yang ianya terhutang kepada KPPUMB dari jumlah yang harus dibayar kepadanya oleh pihak PPUM kepada Lembaga KPPUMB yang mana resit yang dikeluarkan adalah sepenuhnya dan disahkan selesai.

## **TEMPUH BAYARAN BALIK PINJAMAN**

9. Tempuh bayaran balik pinjaman adalah tidak melebihi maksima selama **84 bulan** secara ansuran bermula dari bulan berikutnya. Di dalam kes-kes tertentu pihak Lembaga KPPUMB bolehlah membenarkan tempuh bayaran balik pinjaman melebihi dari 84 bulan, tetapi tidak melebihi dari 90 bulan.

## **PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN**

10. Pembayaran balik pinjaman biasanya dibayar menerusi potongan gaji dari anggota / peminjam. Walaubagaimanapun, dalam satu-satu keadaan tertentu, umpamanya peminjam mengambil cuti tanpa gaji atau gajinya ditahan, peminjam bolehlah membayar pembayaran balik pinjamannya terus kepada akaun KPPUMB tidak lewat dari hari ke 7 bulan berikutnya : Jika peminjam gagal berbuat demikian Lembaga KPPUMB akan mengambil tindakan menurut perkara 11(b).

## **BAYARAN PERKHIDMATAN PINJAMAN**

11. Bayaran caj perkhidmatan yang dikenakan ialah sebanyak **6 % setahun** yang harus dibayar setara disetiap ansuran.
  - a. Dalam kes penangguhan bayaran balik pinjaman yang dipohon oleh anggota secara bertulis dan diluluskan oleh Lembaga KPPUMB hendaklah dikenakan bayaran perkhidmatan tambahan 10 % sebulan di atas jumlah ansuran yang sepatutnya dibayar pada bulan tersebut.
  - b. Dalam kes penangguhan bayaran balik pinjaman yang tidak diberitahu kepada Lembaga KPPUMB hendaklah dikenakan bayaran perkhidmatan tambahan sebanyak 20% dari sebulan di atas jumlah bayaran yang sepatutnya dibayar pada bulan tersebut.

## **PENJAMIN-PENJAMIN PINJAMAN**

12. Pinjaman akan diluluskan kepada anggota atas jaminan peminjam dan **dua atau lebih penjamin** terdiri daripada anggota KPPUMB sendiri. Sekurang-kurangnya seorang penjamin berupaya menanggung kesemua jumlah pinjaman itu ditolak jumlah 90% yuran terkumpul. Anggota yang meminjam sekiranya penjamin kedua tidak dapat disediakan untuk menanggung jumlah itu sepenuhnya, maka dua (2) atau lebih penjamin menanggung antara mereka jumlah sepenuhnya bolehlah diterima atas budi bicara Lembaga KPPUMB.

## **KEMATIAN ATAU TIDAK KEUPAYAAN**

13.
  - a. Peminjam yang gagal memberitahu pihak Lembaga KPPUMB mengenai kematian atau tidak upayaan penjaminnya untuk memenuhi tanggungjawab sebagai penjamin boleh menyebabkan pinjamannya ditarik balik dengan segera.
  - b. Adalah menjadi tanggungjawab Lembaga KPPUMB untuk memastikan supaya penjamin yang baru dikemukakan atau pinjaman tersebut dibayar balik serta merta bilamana terdapat kematian atau penjamin telah hilang kelayakan sebagai penjamin. Penjamin tersebut masih lagi dipertanggungjawabkan sebagai penjamin sehingga penggantinya telah diluluskan oleh Lembaga KPPUMB atau bayaran balik sepenuhnya pinjaman itu telah dibuat.

## **PEMBAYARAN PINJAMAN KEPADA ANGGOTA**

14. Pembayaran pinjaman kepada anggota hanya akan dibuat setelah segala borang perjanjian telah disempurnakan seperti yang telah ditetapkan oleh Lembaga KPPUMB.

## **MEMBATALKAN PINJAMAN**

15. Mana-mana pinjaman yang tidak dituntut dalam masa satu bulan dari tarikh peminjam diberitahu, akan dibekukan sebagai tidak diperlukan oleh peminjam dan seterusnya akan dibatalkan sekiranya peminjam tidak membuat permintaan secara bertulis sebelum tarikh luputnya kepada Setiausaha KPPUMB untuk melanjutkan tempoh menuntut cek tersebut.

## **TUJUAN PINJAMAN**

16. a. Dalam perkara 4(a) dan perkara 4(b) pinjaman bolehlah diluluskan oleh Lembaga KPPUMB atas alasan kegunaan peribadi.
- b. Dalam perkara 4(c) pinjaman bolehlah diluluskan oleh Lembaga KPPUMB atas tujuan :
  - (i) Membeli perabot, alat-alat letrik dan apa-apa kelengkapan rumah yang difikirkan perlu yang pembekalnya ditetapkan oleh Lembaga KPPUMB.
  - (ii) Membeli barang-barang kemas (emas) yang pembekalnya ditetapkan oleh Lembaga KPPUMB.
  - (iii) Menyertai Pakej Pelancungan yang dianjurkan oleh KPPUMB atau Agen Pelancungan yang dilantik oleh Lembaga KPPUMB.

## **LARANGAN KE ATAS TUJUAN PINJAMAN**

17. Pinjaman tidak akan diluluskan atas sebab-sebab yang melanggar Undang-Undang Malaysia atau yang tidak memberikan manfaat kepada peminjam.

## **PENILAIAN PINJAMAN**

18. Lembaga KPPUMB akan meneliti setiap permohonan pinjaman berdasarkan kepada kepentingan kepada pinjaman itu dan tidak tertakluk untuk mengikut giliran.

## **PENYALAHGUNAAN PINJAMAN**

19. Tujuan di mana pinjaman itu akan diluluskan hendaklah dinyatakan dengan benar dan didalam permohonan bertulis kepada Lembaga KPPUMB. Jika pinjaman telah disalahgunakan, pihak Lembaga mempunyai kuasa untuk mengarahkan bayaran balik sepenuhnya dalam masa (3) bulan dengan mengenakan bayaran perkhidmatan sebanyak 3% dari jumlah perniagaan.

## **MENDAPATKAN KEMBALI PINJAMAN DENGAN SERTA-MERTA.**

20. Pinjaman pada dasarnya dianggap cukup tempuh dan akan dibayar serta merta dengan bayaran perkhidmatan tanpa berlengah dan tanpa merujuk kepada perjanjian di mana pinjaman ini telah diberikan dalam kes-kes berikut:

- a. sekiranya anggota itu berhenti menjadi anggota.
- b. sekiranya anggota itu disingkirkan keanggotaannya.
- c. sekiranya anggota itu tidak berkhidmat secara tetap dengan PPUM.
- d. sekiranya anggota itu gagal membayar ansuran pinjaman selama 3 bulan berturut-turut.
- e. sekiranya anggota menjadi muflis atau dihukum atas sesuatu kesalahan yang dapat dibuktikan bahawa kesalahan itu tidak akan menjejaskan perkhidmatannya tidak akan diberhentikan bekerja di PPUM, pinjaman itu tidak akan dianggap telah cukup tempuh.

## **MEMBAYAR BALIK PINJAMAN**

21.
  - a. Peminjam boleh dengan memberi tiga (3) bulan notis bertulis, membayar balik pinjaman sepenuhnya pada bila-bila masa sebelum cukup tempoh had pinjaman. Sekiranya peminjam gagal memberikan tiga (3) bulan notis ia harus membayar bayaran perkhidmatan sebanyak empat (4) bulan sebagai ganti notis yang dikehendaki.
  - b. Anggota yang meninggal dunia dan masih mempunyai baki pinjaman akan dikecualikan dari pembayaran empat (4) bulan caj perkhidmatan.


## **PERLINDUNGAN INSURAN**

22.
  - i) Peminjam diberi pilihan untuk mengambil perlindungan bagi melindungi perkara berikut:-
    - a. Kematian
    - b. Peminjam disarakan atas sebab kesihatan.
  - ii) Polisi insuran hendaklah diambil melalui syarikat insuran yang dilantik oleh Lembaga.


## SAKSI UNTUK BORANG PINJAMAN

23. i) **Borang Pinjaman Berjamin** hendaklah ditandatangani oleh Anggota Lembaga sebagai saksi.
- ii) **Borang Pengesahan Jaminan** hendaklah ditandatangani oleh Anggota Lembaga atau kakitangan-kakitangan koperasi yang dilantik oleh Lembaga KPPUMB sebagai saksi.


Diakui aturan-aturan ini telah dibentang, dibincang dan diterima di dalam mesyuarat agung tahunan koperasi yang ke 37 bertarikh tujuh belas haribulan Jun tahun dua ribu sembilan.



**Amran b. Said**  
Pengerusi



**Hanifah b. Abdullah**  
Setiausaha



**K. GUNASAGARAN**  
Bendahari